

18 NOV 1999

Mahathir-Cina

BN RAMAL SOKONGAN LEBIH BESAR DARIPADA MASYARAKAT CINA

PUTRAJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau yakin yang Barisan Nasional (BN) akan mendapat sokongan yang lebih besar lagi daripada masyarakat Cina dalam pilihan raya umum pada 29 Nov ini.

"Ke mana sahaja saya pergi, mereka secara terbuka berkata yang mereka menghargai apa yang telah dilakukan oleh kerajaan. Mereka berkata kita bersama anda," kata beliau kepada para pengarang akhbar-akhbar tempatan di pejabatnya di Putrajaya, hari ini.

Perdana Menteri berkata, masyarakat Cina telah banyak menyumbang kepada negara dengan tidak melampau dalam permintaan mereka.

Mereka sanggup berkorban seperti juga masyarakat-masyarakat lain yang sanggup berbuat demikian.

"Saya rasa MCA dan Gerakan hari ini lebih kukuh khasnya kerana masyarakat Cina, yang majoritinya peniaga menghargai pengurusan ekonomi oleh kerajaan," kata Dr Mahathir.

"Anda melihat syarikat-syarikat hari ini mencatatkan keuntungan dengan ada antaranya sehingga tujuh kali lebih berbanding apa yang mereka catatkan tahun lepas ataupun tidak pernah seperti sebelum ini.

"Jadi syarikat-syarikat kini berasa lega, perniagaan berjalan dengan baik. ekonomi aktif semula," kata beliau.

Masyarakat Cina menghargai ini dan mereka akan sokong BN tidak kira sama ada melalui MCA atau Gerakan, kata beliau.

Beliau berharap, masyarakat Cina tidak membezakan antara MCA dan Gerakan kerana masyarakat Melayu dan Umno akan menyokong semua calon BN tidak kira daripada Gerakan, MCA ataupun MIC.

Dr Mahathir juga menyatakan keyakinan beliau yang BN akan mendapat sokongan kuat daripada masyarakat India.

"Kita telah banyak melakukan untuk masyarakat India tetapi sudah tentu mereka yang tidak senang hati akan berkata masyarakat India tidak mendapat apa-apa dan semua itu."

"Kadang kala apabila saya menghadiri mesyuarat profesional, Saya hanya melihat orang India, Saya tidak melihat orang Melayu, Saya tidak melihat orang Cina, jadi sudah pasti mereka dalam kedudukan yang baik," kata beliau.

-- BERNAMA

AZZ MOK PR